



D. Y. M. M. SELAMAT KEMBALI

KA-TANAH AYER SA-LEPAS MENGELILINGI DUNIA SELAMA DUA BULAN

BANDAR BRUNEL. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah selamat berangkat balek ka-Tanah Ayer pada malam 9 Jun, 1964 dengan kapal terbang dari Singapura setelah bersemayam di-luar negeri selama dua bulan.

Baginda telah di-sambut di-Lapangan Terbang Berakas oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Menteri Besar Brunei, Yang

Mahkota Hassanal Bolkiah dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamad Bolkiah di-London, Duli Yang Maha Mulia telah berangkat melawat ka-beberapa buah negeri di-Eropah.

Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya berangkat balek ka-England dan berangkat pula ka-Amerika Sharikat, Canada, Timor jauh, New Zealand dan Australia.

Dalam penerbangan dari Singapura ka-Brunei, Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang bersama2 dengan Pengiran Kamaludin dari Pejabat Adat Istiadat Brunei pada 7 Jun untuk menyambut ketibaan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan dari Australia.

Sambutan Hari Jadi Baginda Queen

BANDAR BRUNEL. — Satu istiadat perbarisan kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II telah di-adakan di-Bandar Brunei, berhadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan, pada pagi hari Sabtu 13 Jun, 1964.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-

Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Awang E. O. Laird telah memereksa perbarisan tersebut dan juga menerima tabek kehormatan pada masa Pasokan2 Pulis dan Tentera itu berbaris di-hadapan beliau.

Sa-bagai satu tanda kehormatan Hari Jadi Baginda Queen, tembakan mariam sa-banyak 21 das telah di-lakukan pada masa




Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Brunei pada masa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan selamat kembali ka-Brunei sa-lepas mengelilingi dunia baharu2 ini.

Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Kerajaan dan Negeri; Ketua2 Pejabat; para pembesar negara dan lain2-nya.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-United Kingdom pada 9 April yang lalu dengan di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamad Bolkiah; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed dan beberapa orang yang lain.

Sa-lepas Baginda bersemayam di-England selama beberapa hari untuk menguruskan lanjutan per-
sekolahan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda



Duli Yang Maha Mulia kelihatan membalas Tabek Di-Raja pada masa Baginda tiba di-Istiadat Perbarisan menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 13 Jun, 1964.

Sultan telah berchemar duli ka-istiadat perbarisan tersebut dimana Baginda telah di-berikan Tabek Diraja.

Pesuruh Jaya Tinggi United

di-jalankan istiadat perbarisan itu.

Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei telah menyampaikan "Colonial Police Medal" untuk Perkhidmatan Kebaktian kepada Inspektor Metali bin Osman dari Pasokan Pulis Brunei di-istiadat perbarisan tersebut.

Pasokan2 yang mengambil bahagian di-istiadat perbarisan itu ialah Pasokan "C", Batalion Kedua Duke of Edinburgh Own Gurkha Rifles yang ke-tujuh; Pasokan Pulis Brunei; Pasokan Pancharagam Batalion Pertama Argyll and Sutherland Highlanders (Princess Louise) dan Pancharagam Pulis Brunei; Pasokan Mariam Pulis Brunei dan Anjing2 kepunyaan Pulis Brunei; Pasokan2 Jabatan Laut, Kastam, Diraja, Bomba, Palang Merah,

(Lihat Muka 5)



Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird memereksa Perbarisan bagi menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Baginda Queen di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu yang lalu.

"BUAH PAOH DELIMA BATU—BUAH RENGAS LAMBONG2AN—DAGANG JAUH BERIBU BATU—MENDO'AKAN BRUNEI SENANTIASA AMAN"—TITAH D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah di-ra'ikan oleh Kerajaan Brunei di-satu majlis santapan sa-bagai tanda mengucapkan selamat sempurna keberangkatan Kabawah Duli Yang Maha Mulia melawat ka-negeri2 di-seluruh dunia dan selamat kembali ka-Tanah Ayer.

Majlis itu telah di-langsungkan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 10 Jun, 1964 dan di-hadiri oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Chateria2; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pegawai2 Kanan Kerajaan, para pembesar negara dan lain2-nya.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah bertitah di-majlis tersebut, manakala Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, selaku Timbalan Sultan, telah berucap bagi pehak Kerajaan Brunei di-majlis tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan bacahan do'a selamat oleh Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

*Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia dengan sa-penohnya ada-lah di-siarkan di-bawah ini :

"Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, sebagai Timbalan Sultan bagi pehak Kerajaan, saya mengucapkan berbanyak shukor ka-hadrat tohan Allah Subahanahu Wata'ala yang memberikan hidayah dan mengizinkan kita di-sini mengadakan perjumpaan dalam jamuan yang sangat2 permai dan indah pada malam ini. Dan saya juga mengucapkan Alham Dulillah di-atas puji2an Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan bagi pehak Kerajaan terhadap saya pada malam ini.

Sabener-nya lawatan saya meninggalkan Negeri Brunei selama dua bulan ia-itu ada-lah semata2 lawatan tidak resmi. Dalam lawatan itu pun saya sukachita di-tiap2 negeri yang saya lawati saya suka berpeluang berjumpa dan atau bertemu dengan pembesar2 dan pemimpin2 negara yang tersebut supaya dapat menghubungkan tali perhubungan baik2, saling mengerti dan faham-memahami di-antara negeri2 itu dengan Negeri Brunei yang sangat kecil ini.

Alham Dulillah, setiap lawatan saya ka-negara2 dan benua2, saya dapat berpeluang menemui

dan berjumpa pembesar2 di-sana bagi menyatakan keadaan yang mana ada-lah Brunei sebuah negeri yang kecil yang kebanyakan negeri luar tidak begitu mengenal, tetapi dengan perjumpaan itu dapat-lah saya membayangkan sedikit sebanyak mengenai perusahaan atau keadaan Negeri Brunei Darul Salam.

BERCHERAMAH

Sungguh pun negeri yang saya lawati ini baharu sahaja saya lawati pada pertama kali, akan tetapi saya menganggap pada diri saya tidak sebagai stranger atau orang pendatang, oleh kerana tiap2 negeri yang saya lawati itu ada-lah memberi layanan yang chukok dan mesra dengan suka bercheramah dan mengadakan pertanyaan satu2 daripada pertanyaan yang saya hadapkan pada-nya.

Saya dapat mengatakan atas lawatan saya ini sungguh pun begitu singkat tetapi sedikit seba-



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan melafadzkan titah ucapan Baginda di-Majlis Santapan yang telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 10 Jun, 1964.

nyak dapat-lah menyampaikan apa yang telah saya alami yang sudah2. Dan atas jamuan yang sangat2 permai pada malam ini sama-lah juga sebagaimana yang telah saya terima di-tempat2 yang lain di-negara2 dan di-benua yang saya lawati itu chukok memberi layanan dan sangat2 menarek hati.

Di-atas lawatan saya ini juga kira-nya saya teringat daripada apa juga pendapat saya sama ada dalam pemerhatian, pandangan dan penyiasatan, sekira-nya saya fikir sesuai dan lebeh berfaedah untuk negeri ini, saya akan chuba membayangkan kepada Kerajaan Negeri Brunei supaya dapat di-pertingkatkan.

Tuan2 sekalian, shukor Alhamdulillah saya dan juga rombongan selamat tiba di-Brunei da-

lam keadaan sehat semua-nya dan tidak pula berse'eseh daripada hari dan hanya jam yang saya katakan ia-itu menurut schedule ranchangan, saya dan rombongan akan sampai pada pukul 1.00 atau lebeh sedikit, tetapi oleh kerana keadaan chuacha dan sedikit kerosakan pada kapal terbang, terpaksa kapal terbang itu balek ka-Singapura. Dan oleh yang demikian ada-lah mengambil masa sehingga malam semalam baharu-lah di-takdirkan tohan saya dan rombongan sampai di-lapangan terbang Brunei.

Saya sungguh amat sukachita mengadakan lawatan ka-tiap2 negara dan ada layanan daripada ketua2 negara negeri2 tersebut dan lebeh2 lagi saya senantiasia teringat kepada Negeri Brunei, pegawai2 Kerajaan, pembesar2 negeri termasuk ra'ayat sekalian ada-lah senantiasia terbayang dalam ingatan saya dan saya berdoa mudah2an akan nama Brunei Darul-Salam itu senantiasia berkekalan ia-itu di-dalam aman, tenteram dan sejahtera.

Duli Yang Maha Mulia telah mengakhiri titah ucapan Baginda dengan berpanton ia-itu :

Buah paoh delima batu,
Buah rengas lambong2an,
Dagang jauh beribu batu —
Mendo'akan Brunei senantiasia aman".

Pengumuman Pejabat Tanah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai di-seluruh Negeri Brunei yang mempunyai geran tanah yang tidak kekal yang berdaftar di-Pejabat Tanah, Brunei/Muara ada-lah di-minta supaya membawa geran2 mereka ka-Pejabat tersebut tidak lewat dari 15 Julai, 1964.

Mereka juga di-naschatkan supaya membawa Sijil2 Kera'ayatan atau Surat Kebenaran tinggal di-Brunei jika ada. Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Pejabat Tanah Brunei/Muara.

MAJLIS SANTAPAN MERA'IKAN DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menyeru Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Chateria2 dan Menteri2 supaya sentiasa memberikan bantuan dan kerjasama dengan ikhlas dan jujur terhadap Baginda dan Kerajaan untuk menuju ka-arrah kema'amoran, keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei Darul Salam.

Baginda telah melafadzkan titah demikian di-Majlis Santapan Keshukoran yang telah di-adakan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Chateria2 dan Menteri2 atas selamatnya Baginda berangkat mengelilingi dunia dan kembali ka-Tanah Ayer.

Majlis tersebut telah di-langsungkan di-Istana Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha pada malam 11 Jun.

Dalam titah Duli Yang Maha Mulia seterusnya Baginda bersabda bahawa dengan ada-nya persafahaman dan perpaduan serta ta'at setia dengan kemahuan yang jujur, akan menjadi teras dan kekuatan bagi menchipta keamanan dan kema'amoran yang di-redzai Tuhan.

Pada melaksanakan dan membuat satu2 perusahaan yang benar2 berkebakikan itu nanti, Baginda berdo'a sa-moga sekalian

ra'ayat dan penduduk2 dalam negeri ini berkeadaan dalam "laila-bahagia".

Terlebeh dahulu ucapan keshukoran atas selamat-nya Baginda dan rombongan kembali ka-Tanah Ayer telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyatakan ikrar Duli2 Wazir, Chateria2, Menteri2 dan sekalian orang2 yang bergelar akan sentiasa berada di-belakang Baginda dan Kerajaan dalam melaksanakan chita2 untuk kebahagiaan Negeri Brunei.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf dan kira2 200 orang para jemputan khas telah hadir di-majlis tersebut.

"PENA YANG TAJAM MERUPAKAN BENTENG NEGARA DAN BANGSA" — Kata Y. B. Pengiran D. S. P. Haji Mohamad Yusuf

BANDAR BRUNEI. — Penulis Tanah Ayer ada-lah menanggung kewajipan yang tidak kurang penting-nya dengan parajuri2 yang menyandang senjata. Pena penulis Tanah Ayer yang tidak bertanggung jawab pada untong bangsa-nya menjadi rahun yang bisa di-masharakat melalui kesusasteraan, tetapi sa-balek-nya pena yang tajam yang di-asoh oleh otak dari peribadi yang waras dan ta'at akan merupakan BENTENG NEGARA DAN BANGSA yang akan dapat menaklokan musuh—bukan dengan peluru atau atom, tetapi dengan pena. Demikian antara-nya kata Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, sabelum beliau merasmikan pembukaan Seminar Asterawani yang telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 12 Jun, 1964.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf berharap semoga seminar sastera tersebut akan benar2 membawa erti yang besar kepada perkembangan Bahasa dan Sastera di-Tanah Ayer, Brunei Darul Salam.

Sa-belum beliau mengisytiharkan dengan rasmi pembukaan Seminar Sastera itu, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf telah membachakan sajak hasil karya beliau sendiri untuk penchinta sastera seperti di-bawah ini :

*Dari kelopak chengkong,
Dengan kesayangan mengalir selagi hayat,
Tafakor bangga di-kejayaan kau taja,
Mengalir satitek ayer mata, sendirian rasa shukor.*

*Tarian PENA-MU sayang!
Seimbang nuklier menggegar rona hidup,
Keris pembela keamanan musharakat gelap,
Pena penyair bangsa, pantang pemali pudar tumpol.*

*Madah setinggi juwa,
Chempaka, tidak indah, tidak bau,
Bunga Negara! takada hadiah persembahan,
Hanya ayer mata shukor, dari kelopak kuyu.*

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf menegaskan lagi bahawa karya pena penulis tanah ayer yang "constructive" begini-lah yang sangat2 kita harapkan di-zaman pembangunan ini. Sage-nap tenaga dan fikiran penulis harus-lah di-utarakan bagi menuju keamanan dalam pembangunan bangsa di-samping meninggikan darjat kesusasteraan Tanah Ayer.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf, ketika melafadzkan ucapan di-majlis tersebut, telah berkata bahawa beliau merasa amat bertuah kerana di-jemput untuk bersama2 hadhir di-majlis itu sambil mengucapkan sa-moga dengan izin Allah, perjalanan Seminar Sastera itu nanti-nya akan menemui kejayaan2 yang chemerlang seperti yang di-chita2kan oleh para penganjor-nya, para peserta-nya dan para pendukung serta peminat sastera ibunda.

Seterus-nya beliau berkata, "Masharakat ramai sudah tentu sedikit sa-banyak ingin melihat hasil2 yang di-chapai oleh seminar sastera yang di-adakan ini, terutama sekali mereka yang ada menaruh minat terhadap perkembangan kesusasteraan Tanah Ayer kita.

membuka satu lembaran baru sejarah Brunei di-bidang kesusasteraan.

"Para penganjor seminar ini boleh-lah bershukor dan merasa bangga bahawa mereka ada-lah merupakan tenaga perintis yang chuba mendorong semangat peminat dan pendukung sastera untuk bekerja dan melakukan inisiatif yang berguna dan membena."

"Sebagai satu usaha perintis, maka sudah tentu-lah barangkali akan menghadapi beberapa kesulitan2 yang tidak dapat di-elakkan. Tetapi kesulitan2 itu sendiri ada-lah akan memberi guna yang amat besar kepada seluruh para penyelenggara, kerana dia akan memberi pelajaran kepada kita untuk menyedari di-mana kelemahan2 yang harus diperbetulkan apabila di-masa akan datang kita meneruskan usaha mengadakan seminar sabegini, "Awang2 dan Dayang2 tentu-

lah mengetahui yang dalam Perlembagaan Negeri Brunei ada di-chatatkan bahawa Bahasa Rasmi Negeri ini ia-lah Bahasa Melayu.

"Jika Awang2 dan Dayang2 membuka Buku Perlembagaan Brunei, maka akan di-temui-lah penerangan2 mengenai Bahasa Rasmi dalam Bahagian 82. Tetapi setakat manakah penggunaan Bahasa Rasmi itu sudah di-jalankan dan bagaimana ia harus di-perjuangkan untuk meluaskan lagi penggunaan-nya, ada-lah untuk semua para pendukung dan penchinta bahasa yang merasa diri mereka mempunyai tanggung-jawab.

"Jangan-lah hanya kita pandai memekek2kan selogan dan semboyan yang berapi2 tetapi hanya tinggal begitu sahaja dengan tidak mendatangkan sesuatu hasil bagi menchapai chita2 kita. Kita harus membuat banyak kerja daripada banyak kata dan cherita sahaja".

Mashuarat Lembaga Gabnor Rumah Orang Tua

SERIA. — Lembaga Gabnor Rumah Orang Tua, Seria dalam mashuarat-nya baharu2 ini telah mempersetujui sokongan daripada Jawatan Kuasa Kemasokan penumpang2 rumah tersebut supaya di-benarkan tiga orang lagi tinggal di-Rumah Orang Tua tersebut.

Jumlah umur penumpang2 baharu rumah tersebut ia-lah 196 tahun.

Mereka ia-lah Chit Tet berumur 73 tahun, Low Kong Chaw berumur 63 tahun dan Pang Kee berumur 60 tahun.

Mashuarat tersebut telah meng-ucapkan terima kasih kepada Awang Richard Chang yang telah menderma wang sa-banyak \$500 kepada Rumah Orang Tua itu.

Mashuarat itu juga meng-ucapkan terima kasih kepada orang2 yang berkenaan yang telah bekerjasama bagi menjayakan temasha Bermain Piano oleh pemain piano yang terkenal, Dennis Matthews, untuk mengutip derma bagi membantu Tabong Derma Rumah Orang Tua itu.

Temasha Derma Bakti itu telah di-adakan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada 11 April yang lalu dan wang sa-banyak \$1,870.90 telah di-perolehi daripada jualan tiket dan sa-bagainya.

Mashuarat itu telah di-Pengurusikan oleh Awang P.D. Graham dan di-hadhir oleh ramai anggota Lembaga Gabnor Rumah Orang Tua tersebut.

Awang V. Abdul Salam, Setia Usaha dan juga Penjaga rumah tersebut memalumkan kepada sidang hadhirin bahawa rumah itu telah memperolehi rotan yang baik dari sa-buah penjual rotan di-Singapura dan perusahaan membuat bakul oleh penumpang2 rumah tersebut akan di-jalankan tidak berapa lama lagi.

Awang Salam juga menyatakan kepada sidang hadhirin bahawa Pengurus, Panggong Marina, Awang Bernard Wong Ah Bee telah bermurah hati untuk menderma 4 tiket perchuma pada tiap2 minggu kepada penumpang2 rumah tersebut.

Mashuarat itu telah meng-ucapkan terima kasih kepada Awang Ah Bee terhadap bantuan-nya.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Jun hingga ka-hari Selasa 30 Jun, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Amsak	Suboh	Matahari Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
17		4.37	4.52	6.08	12.27	3.44	6.38	7.50
18		4.37	4.52	6.08	12.27	3.44	6.38	7.50
19		4.37	4.52	6.08	12.27	3.44	6.38	7.50
20		4.37	4.52	6.09	12.28	3.45	6.38	7.50
21		4.37	4.52	6.09	12.28	3.45	6.39	7.51
22		4.37	4.52	6.09	12.28	3.45	6.39	7.51
23		4.37	4.52	6.09	12.28	3.45	6.39	7.51
24		4.37	4.52	6.09	12.28	3.45	6.39	7.51
25		4.38	4.53	6.10	12.29	3.46	6.40	7.52
26		4.38	4.53	6.10	12.29	3.46	6.40	7.52
27		4.38	4.53	6.10	12.29	3.46	6.40	7.52
28		4.38	4.53	6.10	12.29	3.46	6.40	7.52
29		4.38	4.53	6.10	12.29	3.46	6.40	7.52
30		4.38	4.53	6.11	12.30	3.47	6.40	7.52

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu X:

'ADAT ISTIADAT

SA-MASA KEMATIAN ISTERI ATAU SUAMI

PUAK BELAIT ASLI

BAGI sa-saorang Puak Belait Asli, apabila kematian isteri atau suami 'adat2 tertentu yang tersendiri dan terasing bagi puak itu maseh lagi di-amut dan di-amalkan.

Kematian isteri atau suami di-isharatkan dengan memukul tawak2 dan agong atau chanang. Perbuatan demikian di-gelarkan "gendang orang mati".

Bagi Puak Belait gendang sa-demikian itu telah pun di-ma'alumi oleh sa-tiap orang — apabila mendengar gendang itu maka faham-lah mereka di-mana dalam kampung itu ada "kesusahan". Dengan yang demikian dengan tidak payah di-jemput atau di-beritahu maka saudara mara dan anak2 kampung sekalian pun datang-lah ka-tempat itu untuk memberi apa2 pertolongan yang perlu.

'Adat istiadat bagi kematian isteri atau suami lebeh kurang ada-lah sama. Sekarang biarlah saya perkatakan apabila sa-orang suami telah meninggal (mati) dan meninggalkan isteri.

Sayugia di-sebutkan di-sini sa-saorang yang di-tinggalkan suami atau isteri ada-lah di-panggil BALU.

DI-TUNGKUSI

Mula2 mayat itu hendaklah di-chuchikan (mandikan), dan kemudian sa-telah selesai di-pakai2i dengan pakaian serba lengkap baharu-lah di-tungkusi (bungkus) dengan kain puteh.

Kemudian mayat itu pun di-keluarkan dari bilek tempat menyuchikan tadi ka-suatu tempat di-tepi dinding sa-belah hadapan rumah itu. Sa-masa mengalah mayat itu si-isteri (Balu) hendak-lah mengiringkan mayat itu.

Balu itu tidak-lah boleh berjauhan dengan mayat suaminya itu sa-lagi mayat itu belum di-kebumikan.

Pada ka-esokan hari-nya baharu-lah di-buat sa-buah "lungun" (keranda) daripada kayu2 yang bulat dan besar.

Membuat mayat itu ka-dalam lungun itu pula tidak-lah boleh di-lakukan dengan serta merta, melainkan di-tunggu hingga ka-malam hari itu kira2 dalam pukul 7.00 atau 8.00.

Sa-telah mayat itu di-masokan ka-dalam lungun, lungun itu pun di-tutup dengan rapi.

◆ Dalam keluaran kali ini kita siarkan 'adat istiadat kematian isteri atau suami bagi Puak Belait Asli yang mengandongi berbagai2 "pantang larangan". 'Adat istiadat ini maseh lagi di-amalkan oleh sa-tengah2 Puak Belait yang maseh lagi belum menganut sebarang faham Ugama. Tetapi orang2 yang sudah memelok Ugama Islam sudah mengalami berbagai2 perubahan, atau langsung tidak mengamalkan 'adat istiadat itu, terutama mana2 yang agak bertentangan dengan faham Islam.

OLEH ZUL-KIFLIE ABDULLAH

Gendang orang mati terus di-bunyikan sa-lagi mayat itu maseh di-rumah ia-itu sa-lama lima hari.

Sa-lepas lima hari baharu-lah mayat itu di-bawa ka-tanah perkuboran.

DAUN RUMBIA

Tatkala hendak menurunkan mayat itu dari rumah tidak-lah boleh di-turunkan meluj tangga. Mayat itu hendak-lah di-hulor dari depan rumah dengan menggunakan rotan atau akar dan di-sambut dari bawah (tanah) oleh sanak saudara si-mati itu, dan terus di-angkat ka-perkuboran dengan berjalan kaki atau berkayoh.

Sa-belun lungun itu di-hulor ka-dalam lobang kubor dengan memakai rotan atau akar, daun2 kering saperti daun pinang atau rumbia di-bakar terlebeh dahulu menurut keperchayaan Puak Belait Asli untuk memburu semangat orang baik2 ka-dalam lobang kubor itu.

Kemudian baharu-lah lobang

itu di-timbus. Semak2 berkeliling kubor itu di-tebas dan sa-telah itu baharu-lah menanamkan batu nisan menandakan istiadat mengkebumikan selesai.

Sa-kembali dari kubor, istiadat menyembeleh ayam pun di-lakukan. Ayam itu di-sembeleh di-atas belakang tukang penggali lobang tadi, kononnya untuk "membuang sial".

Pada sa-belah malam berturut2 sa-lama tujuh malam 'adat membakar damar di-buat di-rumah si-mati itu. Damar itu di-bungkus dengan upeh pinang.

PANTANG LARANGAN

Sa-bagaimana menurut keperchayaan orang2 kita Melayu, Puak Belait Asli juga ada mempunyai istiadat "makan tiga hari", "makan tujuh hari", dan "makan 40-hari". Bahkan "makan 14-hari" pun ada di-lakukan oleh puak itu.

Balu, ya'ani isteri si-mati itu tadi terpaksa menjalani berbagai2 "pantang larangan" sa-

lama 40 hari menurut keperchayaan puak itu.

Dalam tempoh itu Balu itu hendak-lah memotong rambutnya hingga tinggal panjang sa-hasta. Tangan baju-nya pun terpaksa di-potong hingga sa-takad siku.

HARTA-BENDA

Balu itu akan memakai pakaian berwarna hitam terus menerus dalam tempoh "ulit" atau "lid" (ia-itu dalam tempoh pantang larangan menurut bahasa Belait) itu.

Tempat tidor Balu itu juga ada di-buat khas dalam rumah itu ia-itu sa-buah bilek kira2 lima kaki persegi besar-nya. Dari sini di-buat pula satu tangga khas untuk di-gunakan Balu itu turun naik, buat sementara waktu.

Dalam tempoh ulit ini juga Balu itu tidak boleh berchakap dengan suami atau isteri orang dan tidak pula boleh berjalan ka-rumah orang lain.

Balu ini juga di-tegah bersuami dalam tempoh ulit itu.

Kira-nya suami itu tadi ada meninggalkan harta-benda atau warith yang di-perolehi-nya sa-masa bersa-kedudukan dengan Balu itu, maka harta-benda itu tidak-lah boleh di-apa2kan saperti di-jual, di-bahagi2 atau di-beri2kan dalam tempoh ulit tersebut.

Andai-nya pantang larang ini di-dapati di-langgar oleh balu itu maka ia-nya ada-lah di-anggap sabagai sa-orang yang melakukan kesalahan yang amat besar menurut 'adat istiadat Puak Belait Asli.

Malam Penutup Seminar Sastera

BANDAR BRUNEI. — Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei telah mempersembahkan "MALAM ASTERAWANI" bertempat di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada malam 14 Jun, 1964 dengan memperolehi kejayaan yang gilang gemilang.

Temasha tersebut telah di-adakan

sa-bagai acara penutup Seminar Sastera yang telah berlangsung selama tiga hari berturut2 mulai dari hari Jumaat yang lalu dan juga sa-bagai "menghiburkan hati" para sasterawan dan sasterawani yang telah "memerah otak" masing2 semasa di-adakan Seminar Sastera itu.

Di-antara achara2 yang telah di-persembahkan di-temasha itu ia-lah nyanyian2, tarian2 yang berchorak kebudayaan, lawak-jenaka dan juga

Peraduan Membacha Sajak.

Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Said telah menjadi johan dalam Peraduan Membacha Sajak, manakala gelaran Naib Johan peraduan itu di-sandang oleh Dayang Maisalamah binti Imam Sharbini. Awangku Suhaimi bin Pengiran Wahid telah mendapat gelaran yang ketiga dan di-turuti oleh Awang Abdul Latif Haji Ibrahim.

Pengadil2 Peraduan Membacha Sajak itu ia-lah Awang Abdul Wahab Mohamed, Awang Ahmad Arshad dan Awang Mohammed Zain Arif.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil.

Perlu di-beritakan bahawa "Malam Asterawani" itu telah di-jayakan bersama oleh sumbangan dari Badan Kebudayaan, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei, beberapa orang "Birdatang2" Radio dan tenaga2 sukarela.

Pancharagam Bunga Tanjong, di-bawah pimpinan Awang Ibrahim bin Haji Mohamed Salleh telah bermain di-temasha tersebut.

Kechuaian Pemandu2 Kereta Menyebabkan Kemalangan — P.J.P.

BANDAR BRUNEI. — Pemandu Pesuruh Jaya Pulis, Awang A. J. W. Slater berkata bahawa terdapat-nya kemalangan jalan raya ia-lah di-sebabkan kechuaian pengguna2 atau pemandu2 kereta.

Ini telah di-beritahu oleh be-

liau dalam satu sidang akhbar di-sini pada hari Isnin lepas.

Beliau menyeru supaya pemandu2 kereta akan lebeh berhati2 dan bekerjasama untuk mengelakkan berlaku sa-barang kemalangan jalan raya.

Y.B. Pengiran D.S.P. Haji Mohamad Yusuf Merasmikan Pembukaan Seminar Sastera

BANDAR BRUNEI.— Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Sastera yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei, mulai dari hari Juma'at 12 Jun hingga ka-hari Ahad 14 Jun.

Seminar Sastera itu yang telah di-adakan pada julong2 kali dalam sejarah Negeri Brunei untuk mengkaji hasil karya penulis2 tempatan dan lain2 perkara, telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan para sasterawan dan sasterawani tempatan, serta juga oleh para penchita sastera sa-umom-nya.

Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis pembukaan Seminar Sastera itu oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf; Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar yang juga menjadi Penasehat Persatuan Asterawani Brunei; Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri serta oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Pusat, Seminar Sastera tersebut, Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Beberapa orang ahli2 Persatuan Trengkas Melayu Brunei telah bekerjasama menchatikan ucapan2 dan perbincangan2 semasa di-adakan Seminar Sastera itu.

Satu "Derma Kilat" untuk kegunaan Seminar Sastera itu telah di-adakan di-majlis perjumpaan sidang penoh dan wang sebanyak \$65.30 telah di-perolehi.

Seminar Sastera itu di-bahagikan kepada tiga seksi, ia-itu Seksi "A"—Puisi. Seksi "B"—Prosa dan Seksi "C"—Drama dan Kritik.

Penulis2 Kertas2 Kerja Seksi "A" ia-lah Awang Yahya Haji Ibrahim, Awang Emran Haris, Awangku Sabtu Pengiran Ismail dan Awang Muhd. Noor Chuchu.

Penulis2 Kertas Kerja Seksi "B" ia-lah Awang Leman Ahmad, Awang Yahya M.S., Awang


Moksin Abdul Kadir, Awang Abdul Hamid Jaludin dan Awang Sabtu Muhammad.

Penulis2 Kertas Kerja Seksi "C" ia-lah Awang Ibrahim Muhammad Said, Awang Baharin Indin, Awang Ahmad Arshad,

Melayu Raja Isteri Fatimah pada petang hari Ahad 14 Jun.

Laporan sidang2 seksi telah di-sampaikan kepada sidang penoh oleh Awang Umar Muhammad selaku Pengerusi Seksi "A", Awang Hamdani Abdul Rahman selaku Pengerusi Seksi "B" dan oleh Awang Jaya bin Abdul Latif selaku Pengerusi Seksi "C".

Sidang penoh telah menerima laporan2 yang di-kemukakan oleh Pengerusi tiap2 seksi tersebut sa-lepas di-adakan perbincangan2 yang hebat.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf (kanan) dan Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin (kiri) kelihatan memberi ucapan di-majlis pembukaan rasmi Seminar Sastera di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada pagi hari Juma'at 12 Jun, 1964.



Awang Muhammad Haji Serudin dan Awang Ahmad Husin.

Boleh-lah di-katakan bahawa hampir kesemua para peserta yang mengambil bahagian dalam ketiga2 seksi tersebut telah "memerah otak" pada masa di-adakan seminar itu.

Sidang penutup seksi2 itu telah di-adakan di-dewan Sekolah

Kemudian Pengerusi Seminar Sastera itu Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin telah menyampaikan laporan2 Seminar Sastera itu kepada Yang Dipertua, Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei, Awang Zaidi Taha.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Sajak chiptaan Yahya M.S.

SAMBUTAN HARI JADI BAGINDA QUEEN

(Dari Muka 1)

Pengakap2, Pandu2 Puteri dan murid2 sekolah.

Mulai dari pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari Sabtu yang lalu satu majlis jamuan sebagai meraikan Hari Jadi Baginda Queen telah di-adakan di-rumah Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, dan di-hadhiri oleh ramai Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pegawai2 Tentera, para pembesar negara dan lain2-nya.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah juga berchemar duli ka-majlis tersebut.

Pancharagam Pulis Brunei di-bawah pimpinan Pengarah Musik-nya, Awang Crowhurst telah mempersembahkan berbagai2 lagu sukaramai di-majlis tersebut.

Sa-belum majlis jamuan itu di-tamatkan, Yang Terutama Awang E. O. Laird telah meminta semua hadirin minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Kemudian beliau juga telah meminta kepada para hadirin minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pada masa di-jalankan istiadat minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Pancharagam Pulis telah bermain lagu Kebangsaan Inggeris dan pada masa di-jalankan istiadat minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Pancharagam Pulis telah bermain lagu Allah Selamatkan Sultan.

SOKAN MAKTAB S. O. A. S.

BANDAR BRUNEI.—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan mengadakan temasha sokan-nya bertempat di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 21 Jun, 1964.

Hadiah2 kepada pemenang2 akan di-sampaikan oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf.

Pancharagam Askar Melayu Brunei akan bermain di-temasha itu.

PEMBUKAAN KELAS DEWASA UGAMA

KAMPONG KUPANG.— Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan menyeru penduduk2 di-Daerah Tutong supaya tidak jemu2 menuntut ilmu pelajaran yang menjadi rukun hidup yang terpenting dalam penghidupan sa-hari2 di-zaman ini.

Kenyataan demikian di-buat beliau ketika merasmikan pembukaan Kelas Dewasa UGAMA, Kampong Kupang, Batu 15, Jalan Tutong pada petang 12 Jun.

Sementara itu, Pengerusi Kelas2 Dewasa UGAMA Negeri Brunei, Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan menyatakan bahawa Kerajaan telah mengadakan sebanyak 97 buah kelas2 dewasa UGAMA di-seluruh negeri.

Dari sa-banyak darjah2 itu, kata beliau, tidak kurang dari 4,000 orang penuntut yang terdiri dari laki2 dan perempuan.

Dalam ucapan-nya pula, Pemereksa Sekolah2 UGAMA Daerah Tutong, Awang Mahalee bin Haji Abdullah menyatakan bahawa sa-takat ini sa-banyak 38 buah kelas Dewasa UGAMA telah di-adakan di-daerah Tutong, 5 di-antara-nya khas untuk penuntut2 dewasa perempuan.



Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan kelihatan pada masa beliau memberi ucapan merasmikan pembukaan Kelas Dewasa UGAMA, Kampong Kupang pada 12 Jun, 1964. Duduk di-kanan ia-lah Kadhi Daerah Tutong, Yang di-Muliskan Begawan Khatib Haji Metali dan duduk di-sabelah kiri dalam gambar ini ia-lah Guru Besar, Sekolah Melayu Kupang, Chegu Awang Besar.

PERKHEMAHAN PENGAKAP2 SA-NEGERI BRUNEI BERJAYA

GADONG. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap2 Sa-Negeri Brunei di-Perkhemahan Pengakap2 tersebut di-Jalan Gadong pada hari Sabtu 5 Jun, 1964.

Perkhemahan Pengakap2 itu telah di-adakan selama tiga hari mulai dari hari Juma'at 4 Jun hingga ka-hari Ahad 6 Jun.

Pada malam 5 Jun, satu temasha "Camp Fire" telah di-adakan di-perkhemahan itu dan ramai Pengakap serta Anak2 Serigala telah mempersembahkan berbagai2 achara yang menarik hati.



Gambar ini di-ambil di-Perkhemahan Pengakap di-Jalan Gadong sa-lepas Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Seluruh Negeri Brunei pada petang 5 Jun, 1964.

Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird, yang juga menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei, yang telah di-jadual untuk menyampaikan hadiah2 kepada Pengakap2 dan Anak2 Serigala yang telah berjaya dalam berbagai2 peraduan telah tidak dapat hadir di-majlis menyampaikan hadiah2 itu pada petang 6 Jun.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

Di-antara hadiah2 tersebut ada-lah seperti berikut :

Perisai Mackintosh di-menangi oleh Daerah Brunei pada kali yang kedua berturut2.

Piala Shell untuk pertandingan di-antara Pasokan2 Pengakap yang kanan di-menangi oleh Pasokan Yang Ke-sembilan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Pasokan Pertama Kuala Belait telah memenangi perisai sa-bagai johan dalam pertandingan2 antara patrol2 semasa di-adakan perkhemahan Pengakap2 tersebut.

Sa-lain dari itu, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal juga telah menyampaikan Surat Tauliah kepada Penolong Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Fernandes dan juga Surat2 Tauliah kepada beberapa orang Guru2 Pengakap yang baru.



Gambar atas : Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun kelihatan merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap2 Seluruh Negeri Brunei pada 5 Jun, 1964. Gambar bawah : Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal menyampaikan Perisai Mackintosh yang telah di-menangi oleh Pasokan Pengakap Daerah Brunei kepada Penolong Pesuruh Jaya Pengakap (Bahagian Sekolah2 Melayu) Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh pada 6 June, 1964.

"KEJAYAAN SEMINAR SASTERA TERLETAK-LAH DI-TANGAN SASTERAWAN2 DAN SASTERAWANI2"

—Kata Awang Mohamed Zain Haji Serudin

BANDAR BRUNEI. — "Hari ini, 12 Jun, 1964, dapat-lah di-anggap sa-bagai satu hari di-mana penulis2 di-negara yang sedang menuju ka-arrah kemerdekaan-nya ini berkumpul dan berbincang — khusus mengenai sastera dalam erti kata yang sa-luas2-nya. Dar boleh jadi, akan terchatit-lah dalam SEJARAH NEGERI BRUNEI DARUL SALAM bahawa penulis2 di-Brunei mahu menentukan sikap mereka dalam perjuangan mereka melalui PENA dan TINTA". Demikian antara-nya kata Awang Mohamed Zain Haji Serudin.

Awang Mohamed Zain telah melafadzkan kata2 tersebut dengan sifat beliau selaku Pengerusi, Jawatan Kuasa Pusat, Seminar Sastera tersebut di-majlis pembukaan rasmi Seminar Sastera anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (Asterawani) yang telah di-langsungkan di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 12 Jun, 1964.

Dalam ucapan-nya itu beliau telah menerangkan bahawa Seminar Sastera yang di-anjorkan oleh Asterawani itu mendokong empat tujuan-nya yang besar, ia-itu :

Pertama : Melateh para peserta menghadhiri seminar.

Kedua : Mengkaji hasil karya penulis2 di-Brunei.

Ketiga : Memikirkan kemungkinan2 perkembangan sastera di-masa depan.

Keempat : Keputusan2 dan kesimpulan2 hendak-lah yang berhubung dengan sastera dan para sasterawan dan sasterawani.

"Persiapan2 ka-arrah tujuan2 di-atas telah kami sediakan sakadar yang terdaya oleh kami, Yang penting sekarang ia-lah saudara2 dan saudari2 peserta seminar, di-tangan saudara/saudari-lah kejayaan atau kegagalan seminar ini. Tetapi saya perchaya jiwa2 yang hadir ini adalah chetusan dari kesedaran dan keinsafan. Oleh itu, kejayaan akan kita chapai, dan seminar ini saya perchaya akan berjaya," kata beliau.

Selanjut-nya Awang Mohamed

Zain menegaskan bahawa seminar tersebut akan mengkaji hasil karya penulis2 di-Brunei, dan boleh jadi ada so'alan, sa-banyak manakah hasil2 karya mereka itu ?

"Bagi saya", kata beliau "so'alan itu elok-lah di-jawab sendiri oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Hanya sebagai kenang2an kepada sejarah baru Negeri Brunei yang bagi pertama kali-nya mempunyai Perlembagaan Bertulis, maka izinkan-lah saya memetik shaer chip-taan Muda Omar Ali Saifuddin, Brunei. Penyaer ini menceritakan kesah Perlembagaan, dan kata-nya mengenai tujuan Perlembagaan ia-lah :

Perlembagaan Brunei nama di-tara —

Satelah di-chadangkan untuk negara.

Untuk kebajikan ra'ayat sugara—Memperbaiki nasib derita sang-sara.

Kemudian penyaer ini menceritakan perkembangan tersebut. Kata-nya :

Bertahun2 perbahasan di-ambil, Terkadang senang — terkadang ganjil.

Terkadang keluar perkara yang meshkil,

Bertikam lidah perbahasan sam-

bil."

Awang Mohamed Zain Haji Serudin telah menarik perhatian para peserta Seminar Sastera itu dengan berkata bahawa di-antara shaer2 yang sudah agak lama ialah SHAER RAKIS.

"Shaer ini sangat penting kalau di-jadikan bahan kajian. Chuba kita dengar madah pengubah-nya :

"Khalifah bertitah sangat majalis —

Khabar bersahabat dengan Ingeris.

Terchap surat dua belas rakis — Dengan Queen perjanjian habis.

"Pulau Labuan di-minta segera— Akan jalan tiang bendera.

Di-sana jalan berkira2 — Dari Sarawak ka-Singapura!

"Dagang terchengang mendengarkan titah,

Hati di-dalam sangat gelabah. Labuan itu bukan-nya mudah,

Alamat negeri di-bawah perintah."

Berhubung dengan kertas2 kerja pula, Awang Mohamed Zain telah menyampaikan terima kasih Jawatan Kuasa seminar tersebut kepada penulis2 kertas kerja itu yang telah "memerah otak dan menggali serta menyelidiki perkara2 yang mereka di-tugaskan menulis-nya."

Perlawanan Sepak Raga Jaring Menyambut Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Sepak Raga Jaring di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Bandar Brunei tidak berapa lama lagi.

Perlawanan tersebut terbuka kepada Jabatan2 Kerajaan, Ke-12, Maktab2 dan Sekolah2 serta Persatuan (Badan2) yang sah berdaftar di-Daerah Brunei.

Perlawanan itu akan di-adakan untuk merebutkan :

(a) Perisai yang di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiaah.

(b) Perisai yang di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Dolkiah dan

(c) Oskar yang di-hadiahkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Perlawanan sepak raga jaring tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu Bahagian "A" dan Bahagian "B".

Sharat2 mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut adalah seperti di-bawah ini :—

Tiap2 Jabatan Kerajaan, Kelab, Persatuan, Maktab dan Sekolah hanya di-benarkan menghantar dua pasukan sahaja, ia-itu satu pasukan "A" dan satu pasukan "B".

Bayaran sa-banyak \$8 akan dikenakan bagi satu pasukan "A" dan \$7 bagi satu pasukan "B".

Tiap2 pasukan di-benarkan menghantar 5 orang wakil2 pemain termasuk dua orang pemain simpanan.

Pemain2 yang sudah terdaftar dalam pasukan "A" tidak-lah akan di-benarkan bermain dalam pasukan "B".

Pemain2 Pasukan "B" di-benarkan bermain dalam Pasukan "A" untuk menchukokkan jumlah pemain2 Pasukan "B" itu dan hanya di-benarkan bermain dua kali sahaja dalam Pasukan "A" dan jika lebih dari itu, maka pemain tersebut akan tetap menjadi pemain Pasukan "A".

Pemain2 yang tidak ada terdaftar dalam borang yang di-milikan tidak di-benarkan bermain dan jika terjadi apa2 kesulitan, maka ketua2 pasukan mesti-lah membuat kenyataan2 kepada pengadil atau Setia Usaha perlawanan tersebut sa-belum di-burangnya 24 jam sa-belum perlawanan di-jalankan, dengan

kenyataan surat untuk peringat-an.

Ketua atau wakil tiap2 pasukan yang akan bertanding akan di-jemput untuk mengadakan mashuarat.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian ada-lah di-minta menghantarkan borang2 permohonan kepada Awang Zaidi Mohamed Taha, Setia Usaha, Perlawanan Sepak Raga Jaring Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, d/a Ibu Pejabat Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, 93 Jalan Chevalier, Bandar Brunei tidak lewat dari 20 Jun, 1964.

PERTANDINGAN TINJU KEJOHANAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Tinju Kejoohan Sa-Negeri Brunei yang di-jadual hendak di-langsungkan di-Bandar Brunei pada malam2 3 dan 4 Julai telah di-tanggohkan kamalam2 10 dan 11 Julai pula. Demikian menurut sapuchok surat keliling yang di-terbitkan oleh Awang S. Palaniandy, Setia Usaha, Persatuan Tinju Amateur, Negeri Brunei pada 6 Jun, 1964.

Menurut penerangan Awang Palaniandy, pertandingan tersebut akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei dan ahli2 tinju yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut di-peringatkan bahawa tarikh akhir menerima borang2 permohonan ia-lah hari Isnin 22 Jun.

Borang2 tersebut boleh-lah didapati daripada Awang S. Pala-

niandy di-Pejabat Elektrik, Bandar Brunei; Awang D. Boyd, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei; Awang Chua Kong Heng di-Pejabat Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei; Awang Paddy Carrington di-Kelab Belia, Seria atau pun daripada Sharikat World Wide Helicopters d/a Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Perlumbaan Berjalan Kaki Anjoran Persatuan Melayu Keriam

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam, Tutong, akan mengadakan Perlumbaan Berjalan Kaki sa-jauh 10 batu pada penghujung bulan Ogos akan datang. Perlumbaan itu akan di-jalankan mulai dari satu kawasan di-Kuala Tutong hingga ka-kawasan Persatuan Melayu Keriam. Perlumbaan tersebut di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu: Bahagian "A" Persorang-an Dewasa — umur 16 tahun ka-atas dan Kanak2 —

umur 16 tahun ka-bawah.

Bahagian "B": Perempuan — semua peringkat.

Bahagian "C": Pasukan — 6 orang tiap2 pasukan.

Bayaran masuk berlumba Bahagian2 "A" dan "B" ia-lah \$1 bagi tiap2 peserta dan \$5 bagi tiap2 pasukan.

Perlumbaan Bahagian "A" dan "B" ada-lah terbuka kepada semua orang yang tinggal di-Negeri Brunei.

Perlumbaan Bahagian "C" hanya terbuka kepada Persatuan2 atau Pertubohan2 di-Daerah Tutong sahaja.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian di-temasha perlumbaan berjalan kaki itu sila-lah berbubong dengan Setia Usaha perlumbaan itu, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohamad Safar, d/a Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei; Awang Abdul Kani bin Mohamad Said, d/a Maktab Perguruan Melayu Brunei; Awang Mohamed Noor bin Awang Besar, d/a Pejabat Daerah Tutong; Awang Mohamed Saha bin Abdul Rahman, d/a Maktab Anthony Abell, Seria dan beberapa orang lagi yang berkenaan.

Borang2 mengambil bahagian di-temasha perlumbaan berjalan kaki itu hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Perlumbaan Berjalan Kaki, Persatuan Melayu Keriam tidak lewat dari 15 Julai, 1964.

JADUAL PERLAWANAN BOLA SEPAK JABATAN2 KERAJAAN

Beberapa perlawanan bola sepak di-antara Jabatan2 Kerajaan yang telah di-jadual untuk di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei telah tidak dapat di-jalankan oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan.


Perlawanan2 tersebut akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei juga seperti berikut:—

BAHAGIAN "A"			
Tarikh	Perlawanan	Pengadil	Penjaga Tepi
17 Jun	Pulis melawan Pelajaran	A. Noordin	Kerja Raya
18 Jun	Radio melawan Ugama	A. Jaya	Perubatan
24 Jun	Kerja Raya melawan Pertadbiran	A. Noordin	Pelajaran
25 Jun	Pulis melawan Perubatan	A. Jaya	Radio
1 Julai	Jabatan2 Kerajaan Tutong melawan Ugama	A. Hussin	Pulis
BAHAGIAN "B"			
Tarikh	Perlawanan	Pengadil	Penjaga Tepi
29 Jun	Pelajaran melawan Radio	Inspektor Abu Zar	Pulis
30 Jun	Pertanian melawan Ukur	A. Hussin	Pelajaran
2 Julai	Kerja Raya melawan Telecos	Awangku Idris	Ukur
4 Julai	Perubatan melawan Kerja Raya	A. Jaya	Radio
6 Julai	Radio melawan Pertanian	A. Karim	Perubatan
7 Julai	Perubatan melawan Pelajaran	A. Jaya	Pulis
8 Julai	Pulis melawan Pertanian	Awangku Idris	Pelajaran

Hokey

SERIA. — Kelab Belia Seria akan menubuhkan pasukan2 hokey terbuka kepada belia2 simpanan.

Belia2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam perlawanan hokey itu ada-lah di-minta membuat perhubungan dengan Setia Usaha kelab tersebut.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan mendukung sa-ekor "Koala" pada masa Baginda melawat ka-sabuah Taman Binatang di-Sydney, Australia dalam bidang kunjungan Baginda mengelilingi dunia habaru2 ini. — Gambar kiriman Australian News & Information Bureau, Australia.



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara kelihatan memberi ucapan di-Majlis Santapan mera'ikan Duli Yang Maha Mulia di-Istana Duli Pengiran Pemancha pada malam 11 Jun, 1964.



Dalam gambar ini kelihatan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha memberi ucapan di-Majlis Santapan mera'ikan Duli Yang Maha Mulia di-Dewan Kemasharakatan pada malam 10 Jun, 1964.

MINGGU

PELAJARAN BANDAR BRUNEI.


— Tarikh2 sambutan Minggu Pelajaran di-beberapa buah Sekolah Melayu di-Negeri Brunei telah di-ubah saperti berikut.

Sekolah Melayu Delima I: Dari 21 Jun ka 28 Jun. Sekolah Melayu Anggerek Desa: Dari 22 Jun ka 28 Jun. Sekolah Melayu Burong Pingai: Dari 24 Jun ka 28 Jun. Sekolah Melayu Tanah Jambu: Dari 25 Jun ka 28 Jun. Sekolah Melayu Serasa: Dari 29 Jun ka 28 Jun dan Sekolah Melayu Lima Manis: Dari 30 Jun ka 28 Jun. Demikian menurut surat keliling yang di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

SOKAN MAKTAB ANTHONY ABELL

SERIA.— Temasha sokan kali yang ka-delapan Maktab Anthony Abell akan di-adakan di-padang maktab itu mulai pukul 2 petang hari Sabtu 20 Jun, 1964. Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail akan merasmikan pembukaan temasha sokan itu.

Pancharagam Askar Melayu Brunei akan menghiborkan hati para penonton dengan mempersembahkan lagu2 yang merdu di-temasha sokan tersebut.



Pesuruh Jaya Tinggi U.K. di-Brunei, Y.T.U. Awang E.O. Laird kelihatan menyampaikan "Colonial Police Medal" kepada Inspektor Metali bin Osman di-Istiadat Perbarisan menyambut Hari Jadi Baginda Queen di-Bandar Brunei pada hari Sabtu 13 Jun, 1964.



Alangkah gembiranya delapan orang "Anak2 Serigala" ini dari Sekolah Saint Andrews. Mereka di-gambarkan di-Perkhemahan Pengakap di-Jalan Gadong pada petang 6 Jun sa-lepas mereka menerima lenhana2 pasokan yang dapat mengumpulkan wang yang banyak sekali pada masa di-adakan temasha Minggu Pengakap di-Brunei tidak berapa lama dahulu. Barisan belakang dari kiri — Guru Pasokan Anak2 Serigala Sekolah Saint Andrews, Awang R.H. Peel; Pesuruh Jaya Pengakap2 Negeri Brunei, Awang P.A. Coates dan Penolong Pesuruh Jaya Pengakap2 (Bahagian Sekolah2 Melayu) Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh.

Kerajaan Brunei Hadiah \$5,000 Kapada Persatuan Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah bersetuju menghadihkan wang sa-banyak \$5,000 kapada Persatuan Pengakap Negeri Brunei untok digunakan bagi menghantarkan dua orang Pengakap2 ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia.

Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia itu akan di-adakan di-kota di-Sydney, Melbourne, Australia sa-belum penghujung tahun ini.

Berhubung dengan Perkhemahan Pengakap2 tersebut, Persatuan Pengakap Negeri Brunei akan memilih lima orang Pengakap2 untok mewakili Negeri Brunei di-perkhemahan itu.

Tiga orang Pengakap2 akan di-pilih dari Daerah Brunei, manakala dua orang lagi Pengakap2 akan di-pilih dari Daerah Belait. Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Persatuan Pengakap Negeri Brunei habaru2 ini.

Sokan Borneo

SERIA. — Pertandingan Sokan Kejuhanan Borneo akan di-adakan di-Gelanggang Sokan Setia pada 10 dan 11 Julai, 1964. Jesselton telah menjadi "Tuan Rumah" pertandingan itu pada tahun lalu dan pada tahun hadapan pula pertandingan itu akan di-adakan di-Sarawak.